

77
Jilid I
Bil. 2

77



Hari Selasa
30hb. Okt. 1979

Laporan Persidangan
OFFICIAL REPORT

Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang
Yang Kelima
FIFTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

Penggal Yang Pertama
FIRST SESSION

Mesyuarat Yang Keempat
FOURTH MEETING

ISS 0304-1697

*Jilid I
Bil. 2*

*Hari Selasa
30hb. Okt. 1979*



Laporan Persidangan OFFICIAL REPORT

Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kelima FIFTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

Penggal Yang Pertama FIRST SESSION

Mesyuarat Yang Keempat FOURTH MEETING

Kandungan

<i>Rang Undang-Undang Kumpulangwang Pinjaman Perumahan (Pindaan), 1979 (Samb)</i>	3
<i>Rang Undang-Undang Jaminan Pinjaman (Anak Syarikat Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang), 1979</i>	3
<i>Rang Undang-Undang Perbekalan (1980), 1979 (Samb).</i>	5

Hari Selasa, 30hb. Oktober, 1979

HADIR:

- Yang Berhormat Datuk Speaker (Datuk Haji Hassan bin Haji Md. Noh @
Mat Noor, D.M.P.N., P.J.K.)
- Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr. Lim Chong Eu)
- Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang (Encik Haider bin Mohd. Noor,
D.J.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim,
D.M.P.N., J.M.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bayan Lepas (Datuk Khalid Ahmad bin
Sulaiman, D.M.P.N., K.M.N., A.M.N., P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam (Encik Abdul Rahman bin Haji
Abbas, D.J.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Ngak Seng @
Khor Gark Kim)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul
Razak, D.J.N., P.J.K., P.P.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Teluk Bahang (Encik Mohamed @ Ahmad
Radhi bin Pachee, D.J.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohd. Noor bin
Haji Bakar, K.M.N., P.P.N., J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh,
P.K.T., A.M.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed @
Mahmud, P.P.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Samsuddin @ Md. Noor
bin Ahmad, P.K.T., P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik Teoh Chung Hor @
Teoh Kooi Sneah, J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee, J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tambun (Encik Ong Bok Chuan @ Ng
Swee Ching, A.M.N., P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang,
P.J.M.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Nibong (Dr. Tan Chong Teik, P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Seow Hun
Khim)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik C.Y. Choy)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali,
P.J.K.)

TIDAK HADIR:

- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah, K.M.N.,
P.J.K.)

TURUT HADIR:

- Setiausaha, Dewan Undangan Negeri (Encik Wong Hin Fatt, P.J.K., P.J.M.)

Dewan bersidang semula pada jam 9.40 pagi.

DOA

TUAN SPEAKER:

Yang Amat Berhormat dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan bersidang semula dengan Rang Undang-Undang bernama "Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Pinjaman (Pinjaman kepada Anggota-Anggota Perkhidmatan Awam Negeri) 1971" dikemukakan untuk perbahasan.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-Undang ini oleh kerana dalam fikiran kami masaalah perumahan adalah menjadi satu masaalah yang besar bukan dalam negeri tapi juga negara kita.

Tuan Speaker, saya akan memberi sedikit pandangan atas Rang Undang-Undang ini. Tuan Speaker, apa yang ada di depan kami ialah satu Rang Undang-Undang dan dalam Rang Undang-Undang ini ada tujuan kenaikan pinjaman dari \$10 juta kepada \$30 juta. Tuan Speaker, dalam Dewan Rakyat baru-baru ini, Timbalan Menteri Undang-Undang ada bercakap ada banyak pegawai-pegawai dalam Kerajaan telah menjadi bankrap. Oleh kerana itu, Tuan Speaker, Kerajaan tentu buat perjanjian yang ada syarat-syarat yang tetap oleh kerana di depan kami ada satu belanjawan defisit. Jika ada yang dipinjam tentu Kerajaan ada satu masaalah yang susah hendak diatasi. Oleh kerana itu saya merayu kepada Kerajaan, dalam perkara ini buatlah satu perjanjian, perjanjian yang ada syarat-syarat tetap. Apa yang saya lihat, Tuan Speaker Rang Undang-Undang ini berkuatkuasa pada 8hb. Julai, 1971. Saya tidak faham, Tuan Speaker, apa tujuan seksyen ini dalam Rang Undang-Undang ini. Kenapa Kerajaan mahu kuatkuasa Rang Undang-Undang ini

pada 8hb. Julai, 1971. Barangkali dalam perkara ini Y.A.B. Ketua Menteri boleh memberi penjelasan dalam jawapannya.

Terima kasih.

TUAN SPEAKER:

Ada lagi ahli-ahli yang hendak mengambil bahagian dalam perbahasan ini?

PENASIHAT UNDANG-UNDANG:

Tuan Speaker, mengenai soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor mengenai tarikh kuatkuasanya Rang Undang-Undang ini, tujuannya ialah supaya tarikh kuatkuasa undang-undang ini diselaraskan dengan kuatkuasa undang-undang Parlimen.

TUAN SPEAKER:

Diselaraskan dengan kuatkuasa undang-undang Parlimen. Itu penerangan dari Penasihat Undang-Undang.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang kedua.

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini kini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk mempertimbangkan Rang Undang-Undang ini sefasal demi sefasal.

AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP (ENCIK TEOH KOOI SNEAH):

Datuk Speaker, saya mohon menyokong.

Rang Undang-Undang Dalam Jawatankuasa

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Jadual, Fasal 1, Fasal 2, Fasal 3, Fasal 4 dan Fasal 5 dan tajuk penuh dan fasal yang mengundangkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**Dewan bersidang semula.
Bacaan Yang Ketiga.**

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-Undang "Kumpulanwang Pinjaman Perumahan (Pindaan), 1971, telahpun dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini sekarang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP (ENCIK TEOH KOOSNEAH):

Datuk Speaker, saya mohon menyokong.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

(C) Rang Undang-Undang Jaminan Pinjaman (Anak Syarikat Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang), 1979.

Bacaan Yang Pertama

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama "Suatu Enakmen untuk membenarkan Kerajaan Negeri memberi jaminan kepada satu pinjaman yang diambil oleh sesuatu anak syarikat Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang daripada satu bank atau lain-lain sumber kewangan yang mana melibatkan tanggungan kewangan ke atas Kerajaan Negeri" dibacakan bagi kali yang pertama.

AHLI KAWASAN SUNGAI ACHEH (ENCIK AHMAD BINSALLEH):

Datuk Speaker, saya mohon menyokong.

Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang pertama.

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, saya mohon kebenaran Tuan Speaker di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 118 bagi

mencadangkan penggantungan Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dibawa dalam semua peringkatnya di dalam Majlis Mesyuarat ini.

TUAN SPEAKER:

Saya memberi kebenaran di atas cadangan penggantungan Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat.

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan "Satu Enakmen Jaminan Pinjaman (Anak Syarikat Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang), 1979" dibacakan bagi kali yang kedua.

TUAN SPEAKER:

Yang Amat Berhormat telah mencadangkan.

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, saya minta maaf. Tuan Speaker saya mohon mencadangkan supaya Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat digantungkan kuatkuasanya untuk sementara bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dibawa dalam semua peringkatnya di dalam Majlis ini.

TUAN SPEAKER:

Ada ahli-ahli yang menyokong?

AHLI KAWASAN SUNGAI ACHEH (ENCIK AHMAD BINSALLEH):

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

Bacaan Yang Kedua

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama "Suatu Enakmen untuk membenarkan Kerajaan Negeri memberi jaminan kepada suatu pinjaman yang diambil oleh sesuatu anak syarikat Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang daripada suatu

... atau lain-lain sumber kewangan yang mana melibatkan tanggungan kewangan ke atas Kerajaan Negeri" dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Speaker, tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri menjamin wang-wang pinjaman yang diberikan oleh bank-bank dan lain-lain institusi kewangan kepada anak-anak syarikat Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang.

Anak-anak Syarikat Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi Negeri ini. Dari masa ke semasa syarikat-syarikat ini memerlukan kemudahan-kemudahan overdraf dan pinjaman untuk operasinya. Memandangkan keteguhan syarikat-syarikat ini, kemudahan-kemudahan tersebut boleh didapati melalui bank-bank tempatan dan lain-lain institusi kewangan; dan lagi, oleh kerana syarikat-syarikat ini terlibat dengan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan, kerap kali institusi-institusi yang meminjamkan wang memerlukan pemegang-pemegang sahamnya menjamin kemudahan-kemudahan yang diberi itu. Enakmen Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, seperti Perbadanan Pembangunan Negeri-Negeri lain, sementara memberi peruntukan yang membolehkan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang meminjam tidak pula mempunyai peruntukan bagi Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang men-

Untuk membolehkan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang memainkan peranannya menggalak pembangunan perusahaan melalui pegangan ekuiti terus menerus, adalah diinginkan supaya kuasa untuk men-

Rang Undang-Undang ini juga merangkumi syarat-syarat yang perlu dipatuhi sekiranya pinjaman itu hendak dijamin oleh Kerajaan Negeri. Satu daripada syarat-syarat itu

ialah wang pinjaman itu tidak boleh melebihi pegangan ekuiti oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang di dalam anak syarikat itu.

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

AHLI KAWASAN SUNGAI ACHEH (ENCIK AHMAD BIN SALLEH):

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

TUAN SPEAKER:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan untuk perbincangan.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang kedua.

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini kini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk tujuan menimbang Rang Undang-Undang ini sefasal demi sefasal.

AHLI KAWASAN SUNGAI ACHEH (ENCIK AHMAD BIN SALLEH):

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon menyokong.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

Rang Undang-Undang Dalam Jawatankuasa

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Jadual, Fasal 1, Fasal 2, Fasal 3, Fasal 4, Fasal 5, Fasal 6, Fasal 7 dan tajuk penuh dan fasal yang mengundangkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**Dewan Bersidang Semula
Bacaan Yang Ketiga**

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, saya mohon melapurkan bahawa Rang Undang-Undang Jaminan Pinjaman (Anak Syarikat Perbadanan Pembangunan Pu-

lau Pinang), 1979, telahpun dipertimbangkan sefasal demi sefasal di dalam Jawatankuasa dan diperseutujui tanpa pindaan. Oleh itu, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini sekarang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

AHLI KAWASAN SUNGAI ACHEH (ENCIK AHMAD BIN SALLEH):

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon menyokong.

Soalan dikemukakan dan diperseutujui.

Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

TUAN SPEAKER:

Yang Amat Berhormat dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan ditangguhkan hingga 2.30 petang ini untuk kita membahaskan di atas ucapan belanjawan yang dibentangkan oleh yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

Dewan ditangguhkan pada jam 10.00 pagi.

Dewan bersidang semula pada jam 2.35 petang.

TUAN SPEAKER:

Yang Amat Berhormat dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan bersidang semula dengan menyambung perbahasan mengenai Rang Undang-Undang Perbekalan (1980), 1979. Silakan ahli-ahli yang ingin untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan ini.

AHLI KAWASAN KAMPONG KO- LAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Tuan Speaker, dalam ucapan dari Yang Amat Berhormat Ketua Menteri ada mengandungi kepujian kepada pegawai-pegawai Kerajaan. Pada fikiran saya, kepujian ini tidak herapa berasas kepada pegawai-pegawai yang tinggi. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ada tertulis dengan jelasnya untuk membasmi-

kan kemiskinan dan untuk memberi pertolongan kepada golongan yang berpendapatan rendah, tetapi pegawai-pegawai yang tinggi itu tidak mengikut rancangan itu. Dari situ saya memberi contoh sedikit berkenaan dengan sikap-sikap pegawai-pegawai.

Kerajaan gagal dalam peruntukan rumah-rumah kepada rakyat dan gagal memperkembangkan tanah-tanah Kerajaan di Pulau Pinang. Ada beberapa penduduk di Pulau Pinang yang membina rumah haram boleh dikatakan di tanah Kerajaan tetapi rumah itu bukan hari ini dibina tetapi 23 tahun atau 30 tahun dahulu. Bila rakyat itu meminta untuk memperbaiki rumah-rumahnya, permintaan itu telah ditolak dan tidak boleh diluluskan sebab tanah itu tanah Kerajaan. Oleh itu saya rasa sikap-sikap pegawai itu tidak betul sebab itu satu keadaan yang sosial. Jikalau Kerajaan tidak boleh mengatasi masalah itu, saya rasa kebenaran mesti diberikan kepada rakyat. Jikalau Kerajaan hendak memakai tanah itu, permohonan itu mestilah ditolak; tetapi masalahnya kebenaran itu tidak diberikan. Sikap pegawai-pegawai itu hanya menggalakkan rakyat untuk membina rumah-rumah haram sebab jikalau diminta pun tidak dapat, tak minta pun tidak dapat. Sebab itulah saya harap pegawai-pegawai yang tinggi sekali mesti mengambil perhatian dan menukar sikap-sikap mereka.

Banyak telah diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat berkenaan dengan pembinaan rumah-rumah dan lain-lain. Masalah itu boleh dikatakan lama, tapi saya rasa perkara itu masih belum diselesaikan. Yang amat dikesalkan ialah Kerajaan Negeri hanya berminat untuk menemui cita-cita Yang Amat Berhormat Ketua Menteri daripada masalah masalah orang ramai. Projek KOMTAR telah menyebabkan kenaikan harga tanah dan rumah-rumah di seluruh Pulau Pinang. Harganya terlalu tinggi un-

tuk dibeli oleh orang ramai. Setengah ahli-ahli perniagaan mendapati harganya terlalu mahal untuk berniaga dan setengahnya terpaksa pula menutup perniagaan mereka dan setengahnya yang bercadang pun tidak mahu membeli. Tentang harga ini saya rasa sebilangan besar yang hadir pada hari inipun tidak boleh membeli yunit-yunit itu di KOMTAR sebab harganya terlalu mahal. Jika tidak kerana Jabatan Kesihatan, Majlis Perbandaran dan Lembaga Letrik Negara yang menduduki bangunan ini ianya akan menjadi kosong. Saya rasa tiap-tiap orang pun di situ boleh mendapat tahu bahawa bila pergi ke KOMTAR boleh nampak sebilangan besar rakyat yang pergi untuk membayar bil letrik dan lain-lain bukan untuk membeli belah atau lain-lain. Sebab itulah projek itu gagal. Jika dilihat dengan lebih dekat lagi dari harga yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri di atas Projek KOMTAR dan harga yang ditaksirkan, tidak syak lagi bahawa keuntungan yang besar diperolehi daripada penjualan tiap-tiap yunit.

Berikut ialah contoh-contoh yang saya akan berikan: Harga jualan Kerajaan untuk yunit-yunit di KOMTAR mengikut hitung panjang adalah lebih dari \$200.00 satu kaki persegi hingga \$296.00 satu kaki persegi.

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat, tolong letakkan kertas, ya.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Berbanding dengan harga pembangunan, harga ditaksirkan ialah \$40.00 satu kaki persegi hingga \$50.00 satu kaki persegi dan harga tanah ditaksirkan dari \$25.00 sekaki persegi sehingga \$35.00 sekaki persegi. Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperolehi tanah ini dengan ganti-rugi mengikut hitung panjang sebanyak \$25.00 sahaja.

Kos perbelanjaan kalau dicampur akan didapati seperti yang berikut:

$$\$40.00 + \$25.00 = \$65.00, \text{ dan}$$

$$\$50.00 + \$35.00 = \$85.00$$

sekaki persegi. Keuntungan sekaki persegi ditaksirkan seperti berikut yang dijadikan keuntungan.

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat, diminta kertas yang dibacakan itu letakkan di atas meja.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Baik. Dengan itu saya hendak mencadangkan supaya Kerajaan mesti mengurangkan harga di KOMTAR untuk faedah rakyat dan saya hendak mengambil kesempatan itu mencadangkan supaya harga-harga yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri patutlah dikaji semula untuk membolehkan orang-orang biasa membeli yunit-yunit itu. Penduduk-penduduk yang telah dijejaskan oleh projek itu tidak berpuas hati dengan saguhati yang diberi oleh Kerajaan Negeri. Ada masanya penghuni-penghuni kedua dan penghuni-penghuni ketiga masih ujud dan kadang-kadang ada masanya ini berakhir dengan pergaduhan. Tindakan yang segera mesti diambil untuk menyelesaikan masalah ini untuk sekali dan penghabisan sebelum apa-apa yang buruk berlaku. Kalau apa-apa yang terjadi Kerajaan Negeri adalah yang bertanggungjawab di atasnya.

Banyak telah dikatakan berkenaan dengan Pembangkang Pulau Pinang dan lain-lain. Tempat meletak kereta di Pulau Pinang sangat kurang. Masalah meletak kereta semakin hari semakin bertambah, tetapi malangnya Kerajaan tidak bertindak untuk mengambil langkah-langkah penyelesaian. Beribu-ribu wang telah dikutip dari pemaju-pemaju swasta. Salah pemilihan tempat meletak kereta dan jalan-jalan telah membazirkan wang pembayar cukai. Ini adalah disebabkan perancangan yang

tidak betul dan tanpa memandangkan masa depan dan ini telah menyebabkan kegagalan. Sehingga hari ini tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan pembinaan tempat meletak kereta untuk menyelesaikan masalah ini. Walaupun kenderaan makin bertambah tiap-tiap hari dan memang ada terdapat tempat yang boleh dijadikan tempat meletak kereta, namun begitu tiada langkah yang diambil untuk membeli dan memperolehi tempat-tempat ini. Dengan hanya menghalakan tempat meletak di sepanjang jalan tidak akan memperbaiki keadaan. Hanya tempat meletak kereta yang terhad boleh didapati melalui cara ini. Saya mencadangkan iaitu memandangkan kenderaan sedang bertambah, satu kompleks bertingkat dibina dan dijadikan tempat meletak kereta.

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat, bolehkah hadapkan ucapan itu kepada Tuan Speaker. Jangan menunjukkan seolah-olahnya membaca.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Saya mencadangkan iaitu memandangkan kenderaan sedang bertambah, satu kompleks bertingkat dibina dan dijadikan tempat meletak kereta dan ini tentulah akan menyelesaikan masalah ini dan kompleks ini janganlah ditumpukan ke satu tempat saja tetapi sebaliknya dibina di merata tempat. Bukan kereta saja yang memerlukan tempat meletak kereta tapi meletak motosikal-motosikal juga perlu disediakan. Tempat meletak motosikal-motosikal diperlukan sebab motosikal pun semakin banyak.

Sistem parit di bandar sangat buruk pada hari ini dan satu peninjauan boleh diadakan untuk mengetahui sejauh mana sistem parit dapat dibaiki untuk menyelesaikan bahaya kesihatan dalam bandar. Nampaknya tidak ada ko-ordinasi di antara jabatan-jabatan apabila melaksanakan

projek-projek dalam bandar. Kebanyakan parit-parit sudah lama dan perlu diperbaiki dan di samping itu pembangunan-pembangunan yang sedang didirikan menyebabkan pengaliran air parit-parit tersekat. Alat-alat moden perlu digunakan untuk mengeluarkan pasir dan sampah dari dalam parit-parit besar yang dikatakan monsoon drain yang merbahaya untuk dituruni pekerja-pekerja. Sudah berapa tahun sejak cadangan dibuat untuk menjalankan peninjauan di atas sistem parit dalam bandar tetapi tindakan masih belum diambil. Setelah selesai projek KOMTAR Peringkat IB 2 pada akhir tahun ini, masalah kesesakan parit akan bertambah jika tindakan-tindakan yang sewajarnya tidak diambil. Jika satu pelan yang layak tidak dilaksanakan dengan segera, keadaan agak akan bertambah buruk.

Lampu-lampu di bandar juga tidak mencukupi dan beberapa tempat dalam bandar tidak dilengkapi dengan lampu-lampu jalan. Ini sungguh memalukan apabila dilihat di sekeliling projek KOMTAR tidak ada dilengkapi dengan lampu. Beberapa juta ringgit telah dibelanjakan untuk projek KOMTAR tetapi tiada usaha yang diambil untuk menambahkan lampu-lampu jalan. Hampir semua jalan-jalan belakang dalam bandar tiada mempunyai lampu jalan dan ini memberi perangsang dan dorongan kepada pengedar-pengedar dan penagih-penagih dadah dalam mempergunakan jalan-jalan ini untuk menjalankan aktiviti-aktiviti mereka. Permohonan dan rayuan telah dibuat dan dihantarkan kepada Pihak Berkuasa tetapi jawapan yang diberi iaitu jabatan mereka kekurangan wang. Peruntukan yang lebih patut diberi kepada Jabatan yang berkenaan untuk membolehkan mereka memperbaiki dan mendapatkan lampu-lampu jalan dan ini akan membolehkan penduduk-penduduk menggunakan jalan itu pada malam-malam hari dengan aman dan selamat.

Dari laporan yang kita dapat dari Kerajaan berkenaan dengan PDC di bawah Rancangan Malaysia Ketiga juga untuk membasmikan kemiskinan dan lain-lain, PDC yang sedang meningkat aktiviti-aktiviti pembinaan rumah-rumah adalah sungguh mengecewakan terutama sekali kesesakan untuk rumah adalah sungguh genting. Dasar PDC ialah untuk membina sebanyak-banyaknya rumah untuk menemui keperluan penduduk dan bukan untuk membuat keuntungan yang besar. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, dasar pemilihan rumah dan dorongan pemaaju Kerajaan memang sedar bahawa munafaat rumah patutlah dirasakan oleh setiap golongan penduduk tanpa mengira pendapatan sebab tempat kediaman adalah keperluan asasi.

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Datuk Speaker, sekarang ini kita dalam Enakmen Perbekalan 1980 iaitu Supply Bill dan kita sudah lebih kurang setengah jam mendengar daripada Ahli daripada Kawasan Kampong Kolam. Jadi semua perkara yang telah dibangkitkan tidak ada kena mengena dengan apa yang kita perbincangkan pada petang ini. Jadi saya hendak membawa Datuk Speaker kepada perhatian 46(vi). Ini biar kita bincangkan sekarang apa yang dimaksudkan pada petang ini. Fasal KOMTAR berkenaan dengan fasal lampu dan jalan, sekarang ini PDC, tidak ada kena mengena dengan Supply Bill yang dimaksudkan pada petang ini.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Tuan Speaker, dalam ini saya hendak berikan oletis kepada bersekut dengan ini.

TUAN SPEAKER:

Ya.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Tempat kediaman adalah keperluan asasi. Kerajaan akan berusaha untuk menyediakan rumah-rumah yang mencukupi untuk semua rakyat terutama sekali kepada golongan yang berpendapatan rendah melalui rancangan-rancangan perumahan dan dorongan untuk memiliki rumah. Adalah amat sangat dikesali di atas kegagalan Negeri Pulau Pinang yang amat menyedihkan dalam melaksanakan dasar-dasar yang telah dengan secara terang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Publisiti secara besar-besaran telah diberi bahawa rumah-rumah akan diperuntukkan kepada rakyat, tetapi sebanyak berapakah telah dibina dan disiapkan? Pengerusi Jawatankuasa Perumahan telah menyatakan iaitu lebih kurang \$40,000.00 permohonan memerlukan rumah-rumah murah dan dengan kadar pembinaan ini adalah mustahil untuk menyelesaikan masalah ini. Pengerusi ini juga telah mencadangkan iaitu PDC tidak berupaya untuk menanggung harga pembelian yunit oleh golongan berpendapatan rendah. Memandangkan harga tetap sekarang sebanyak \$20,000.00 setiap yunit, harga ini akan dinaikkan ke \$70,000.00 atau hampir-hampir 50% lebih dari harga tetap sekarang.

Baru-baru ini pengumuman yang dibuat oleh Menteri Perumahan menyatakan hanya kenaikan sebanyak 10% adalah dibenarkan kerana memandangkan kenaikan harga binaan dan masalah bekalan yang lain. Jadi bagaimanakah Pengerusi Jawatankuasa Perumahan patut jadikan harga tetap untuk rumah-rumah murah di Pulau Pinang? Adakah sebarang penyiasatan telah dijalankan untuk mengesan dan untuk menentukan apakah penduduk-penduduk Pulau Pinang mampu untuk membeli rumah-rumah murah ini dengan kenaikan harga tetap? Dia

juga hendaklah jangan melupakan yang dasar PDC adalah bukan untuk mendapat keuntungan besar dari rakyat miskin.

Rancangan Malaysia Ketiga dari tahun 1976 sampai 1980 telah menganggarkan rumah-rumah di Pulau Pinang dan sebanyak \$70,174,220.00 telah diperuntukkan untuk rumah-rumah murah. Dalam tahun 1976 hingga 1979, Kerajaan Negeri sebenarnya telah membelanjakan \$37,895,300.00 daripada \$70,174,220.00 yang diperuntukkan. Itu boleh dikatakan setengah daripada peruntukan kepada negeri untuk membina rumah telah digunakan dan masih ada baki sebanyak \$36,278,920.00 akan ditinggalkan untuk kegunaan pada tahun 1980. Angka-angka ini menunjukkan yang Kerajaan Negeri tidak mempunyai efficiency dalam melaksanakan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Bukannya Jawatankuasa Perumahan hendak membaharui atau memperbaiki rancangan-rancangan perumahan dan menyelesaikan masalah kekurangan rumah, tetapi Jawatankuasa itu telah mengambil tindakan yang tegas dengan mengeluarkan notis-notis tindakan kepada penghuni-penghuni rumah pangsa yang masih berhutang-sewa. Jika mereka engkar untuk mematuhi tuntutan itu dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan, tindakan Undang-Undang akan diambil terhadap mereka walaupun perjanjian telah dapat dicapai awal-awal dahulu iaitu yang berhutang-sewa boleh membayar hutang mereka dengan secara beransur. Itulah yang menjadikan Kerajaan telah memaksa rakyat yang miskin untuk membayar dengan secepat mungkin berkenaan dengan hutang itu. Itulah tidak berapa adil. Saya rasa kesalahan adalah di pihak Jabatan Perumahan kerana tidak mengeluarkan notis-notis kepada yang tidak membayar terlebih dahulu. Saya menyeru kepada Pengerusi Jawatan-

kuasa Perumahan supaya menimbang kembali tindakan ini dan menarik balik notis-notis tindakan yang telah diserahkan sehingga suatu dialog yang sepatutnya telah dijalankan di antara Jawatankuasa dan penghuni-penghuni. Jawatankuasa Perumahan mestilah bersikap tolorensi dan mencari satu pemecahan masalah terhadap keadaan penghuni-penghuni yang tidak bernasib baik ini.

Dalam tahun 1977 PDC telah membina 4 jenis rumah-rumah murah di Pulau Pinang. Sebanyak 539 yunit di Pulau Pinang dan 483 yunit di Seberang Perai. Jumlah pembinaan rumah kedai dan untuk kediaman adalah sebanyak 1,022 yunit bagi tahun itu. Dalam tahun 1978 Kerajaan telah membina 9 jenis rumah-rumah murah di Pulau Pinang, sebanyak 1,295 yunit di Pulau ini dan 835 yunit di Seberang Perai. Jumlah yang dibina untuk rumah kedai dan untuk kediaman bagi tahun itu ialah 2,000 yunit lebih.

TUAN SPEAKER:

Saya ingat Yang Berhormat telah menyentuh banyak dari segi itu dan saya rasa Yang Berhormat ada peluang yang banyak untuk berbahas dalam hal Anggaran Pembangunan.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Itu ada bersangkutan dengan projek-projek.

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Mana ada sangkut? Datuk Speaker, kita sekarang berbincang berkenaan masalah Supply Bill. Sudah setengah jam kita dengar cerita PDC, rumah-rumah, jalan-jalan (gangguan).

TUAN SPEAKER:

Saya berharap bila seseorang bercakap yang lain diminta duduk.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Bolehkah saya bercakap? Saya ingat dalam perkara ini sekarang telah menjadi perbincangan dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Oleh kerana itu, Tuan Speaker, tentu Tuan Speaker memberi satu *opportunity* yang bebas oleh kerana ini menjadi satu perbincangan polisi atau dasar.

TUAN SPEAKER:

Saya suka menasihatkan Ahli Yang Berhormat dari Kampong Kolam iaitu soal pembangunan boleh disentuh dalam Usul mengenai Anggaran Pembangunan.

Boleh teruskan.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Dari angka ini 1,896 yunit dijangka akan siap pada tahun 1979. Jadi dalam tiga tahun ini iaitu dari 1977 adalah untuk membina dan menyudahkan 5,066 yunit bagi seluruh Negeri Pulau Pinang. Ini adalah mustahil dan tidak mungkin dapat dicapai. Kerajaan Negeri tidak berdaya untuk menyediakan rumah-rumah murah untuk penduduk-penduduk Pulau Pinang. Dalam semua projek-projek perumahan ini, minima sebanyak 30 % diasingkan untuk pembeli-pembeli Bumiputra. Tetapi hingga sekarang yunit-yunit yang telah disiapkan dan diperuntukkan kepada orang awam adalah mengandungi 42.7 % kepada bumiputra dan 57.3 % kepada yang bukan Bumiputra walaupun Bumiputra di Pulau Pinang adalah sebanyak 32 % sahaja, dan di sini saya hendak memuji anggota-anggota UMNO yang boleh memperoleh (gangguan)

AHLI-AHLI PARTI UMNO:

Tidak payahlah. Duduk. Kami pun tahu.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker, bolehkah saya bercakap? Ini bukan kedai pajak. Ini satu Dewan yang mulia dan bukan untuk budak-budak kecil. Oleh

kerana itu bolehkan saya minta sedikit disiplin dalam Dewan ini?

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Datuk Speaker suruh duduk. Duduklah.

TUAN SPEAKER:

Saya sudah memberitahu ahli-ahli supaya diam.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Dalam masaalah ini, Tuan Speaker, apa yang saya tengok, ahli-ahli di sebelah sana hendak kacau oleh kerana tidak mau memberi kami peluang untuk berucap. Saya ingat itu sikap yang tidak betul, kami bukan bermain di sini. Ini menjadi satu tempat serious.

TUAN SPEAKER:

Cukup.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker, Ahli Kawasan Bayan Lepas (gangguan)

TUAN SPEAKER:

Ahli Yang Berhormat (gangguan)

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker, bagi saya satu peluang.

TUAN SPEAKER:

Peluang apa? Ada ahli sedang bercakap.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Sedang bercakap apa yang terjadi.

TUAN SPEAKER:

Saya sudah memberi amaran jangan ganggu manakala seorang ahli sedang memberi ucapan. Duduk.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Bagi amaran jangan main-main.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Rumah-rumah yang dibina oleh Kerajaan adalah bermutu rendah. Dengan peruntukan kepada Bumiputra yang terbanyak sekali daripada 40 % lebih, saya rasa sebilangan besar yang terpedaya ialah orang-orang Bumiputra sebab sebilangan besar peruntukan telah diberi kepada Bumiputra. Bahan-bahan tenaga dan lain-lain adalah di bawah taraf yang perlu. Dalam negara beriklim panas seperti negara kita, rumah-rumah patutlah dibina sehingga ketinggian yang munasabah dan tertentu sekali bukan seperti ketinggian yang ada sekarang. Ini adalah merbahaya untuk kesihatan sesiapa yang tinggal di situ.

TUAN SPEAKER:

Jadi Yang Berhormat cakap pendek sahaja, kan?

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Tuan Speaker, yang terpendek sekali. Rendah sekali.

TUAN SPEAKER:

Bukan pendek, tapi rendah?

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Sudah bankrap.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Jangan kacaulah (ketawa)
Tuan Speaker, dia kacau. (ketawa)

TUAN SPEAKER:

Ketawa sahaja.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Kurang ajar.

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Tuan Speaker, saya minta Ahli Kawasan Kampung Kolam tarik balik perkataan "kurang ajar".

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Tuan Speaker, saya kata "kurang ajar" kerana ketika saya berucap dia kacau.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker, ini akibat apa yang jadi. Jikalau tidak buat begitu rakan saya di sini tidak boleh cakap begitu. Ini jadi akibat itu.

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Datuk Speaker, saya minta Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Kampung Kolam tarik balik perkataan "kurang ajar".

TUAN SPEAKER:

Saya kurang dengar. "Kurang ajar" ataupun "kacau"? Tolong sebutkan lagi.

AHLI KAWASAN PENANTI (ENCIK ABDULLAH BIN MOHAMMED):

"Kurang ajar", Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER:

Ada gunakan perkataan "kurang ajar"?

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Tuan Speaker, ya, saya gunakan perkataan "kurang ajar" sebab dia kacau sama saya.

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat faham apa erti perkataan "kurang ajar"?

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Tuan Speaker, ya.

TUAN SPEAKER:

Boleh tarik balik? Kalau faham, mesti tarik balik.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Tuan Speaker, ya, saya tarik balik.

Rumah-rumah yang ditawarkan oleh Kerajaan untuk jualan tidak dapat dibeli oleh golongan besar penduduk-penduduk. Langkah-langkah hendaklah diambil untuk menghalang PDC dari mempergunakan keadaan semasa negara kita menghadapi kekurangan rumah-rumah murah. Harga rumah mestilah dikurangkan tanpa melupai bahawa tanah yang dibeli oleh Kerajaan adalah murah jika dibandingkan dengan pemaju-pemaju swasta.

Saya mencadangkan satu cara untuk mempercepatkan pembinaan rumah-rumah murah seperti berikut:-

1. Kerajaan menyediakan pelan yang bertaraf;
2. Kerajaan membahagikan tanah [*divide and parcel land*]
3. Jual kepada pemaju-pemaju swasta untuk mengusaha, dan membina dengan syarat rumah-rumah itu dijual dengan harga murah yang ditetapkan.

Untuk permulaan, tempat yang paling sesuai ialah tanah 700 ekar di Bukit Jambul dekat Bandar Bayan Baru. Dari menjadikan tanah ke Padang Golf dan memecahkan tanah di sekeliling dijual kepada Pegawai-Pegawai Kerajaan Bahagian Pertama sahaja yang ingin membeli tanah-tanah itu — di sini saya hendak mengucap dari perenggan 1122 muka surat 338 dalam Rancangan Malaysia Ketiga 1976 sampai 1980 iaitu polisi hak-milik rumah dan dorongan kemajuan — Kerajaan harus sedar bahawa keuntungan perumahan patut disediakan kepada para penduduk-penduduk tanpa memandangkan pendapatan oleh kerana tempat kediaman adalah keperluan asasi. Untuk ini Kerajaan akan berusaha untuk menyediakan tempat kediaman yang mencukupi untuk para rakyat Malaysia khususnya untuk golongan yang berpendapatan rendah melalui rancangan perumahan dan bantuan memiliki rumah.

Di samping menyediakan rumah, rancangan ini juga adalah bertujuan

untuk menyumbang dan menyatupadukan bangsa di antara masyarakat yang berbilang kaum dan golongan sosial di seluruh negara. Memang terang bahawa pemilik-rumah bukan sahaja untuk mereka yang bekerja baik tetapi adalah untuk semua orang tanpa mengira siapa. Jika tanah disediakan untuk pekerja bahagian pertama juga, maka ini tentulah bertentangan dengan polisi Kerajaan Persekutuan yang tersebut di atas. Seluruh atau kesemuanya digunakan untuk membina rumah-rumah murah bagi golongan yang berpendapatan rendah dalam lingkungan Polisi Nasional yang dapat memberi faedah perumahan yang patut dirasakan oleh semua penduduk dengan tidak memandangkan pendapatan.

Di sini dapatlah dijamin bahawa dalam tempoh satu hingga dua tahun tanah 700 ekar ini akan dapat ditukarkan, diusahakan dan dijadikan lebih daripada 14,000 yunit rumah murah bertingkat satu. Jika Kerajaan memilih untuk membina bangunan lima tingkat, sekurang-kurangnya 70,000 yunit akan dapat dihasilkan. Jika satu yunit mengikut hitung panjang dapat menampung lima orang, maka dengan ini 350,000 rakyat akan mempunyai buai bong untuk melindungi mereka. Ini dapat membantu untuk menyelesaikan kekurangan rumah dengan segera.

Kerajaan negeri mestilah sedar yang tanah di Pulau Pinang adalah terhad dan hanya dengan membina bangunan-bangunan tinggi yang dapat memberi tempat kediaman kepada penduduk-penduduk yang makin dan akan bertambah pada tahun-tahun yang akan datang. Jika Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Y.A.B. Ketua Menteri benar-benar berminat untuk menyelesaikan masalah perumahan, maka Padang Golf yang dicadangkan mestilah dibatalkan. Sebarang kemajuan dalam negeri mestilah menjaminakan yang semua penduduk akan dapat menikmati faedah dari projek-projek, bukan

hanya atau khususnya untuk orang-orang kaya atau untuk pelancung-pelancung.

Terima kasih.

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan di atas belanjawan tahunan 1980 dan saya ingin menyentuh beberapa perkara dalam ucapan saya.

Tuan Speaker, perumahan merupakan salah satu asas keperluan setiap orang, malahan Rancangan Malaysia Ketiga sendiri telah menyebut tentang sebuah demokrasi yang memiliki perumahan atau dalam bahasa Inggeris "*a house-owning democracy*."

Sekarang terdapat rumah-rumah bertingkat dua di Jalan Sheikh Madar, rumah-rumah bertingkat empat di Jalan Padang Tembak atau Rifle Range Road serta juga rumah-rumah teres bertingkat dua yang dahulunya dibina oleh RDC dan juga rumah-rumah pangsa di Jalan Trengganu dan dimiliki oleh Majlis Perbandaran. Rumah-rumah tersebut sekarang disewakan kepada penghuni-penghuni yang ramai di antara penghuni-penghuni itu khasnya penghuni-penghuni di Jalan Sheikh Madar telah menyewa rumah tersebut tuntutan lebih kurang 20 tahun. Sungguhpun perjanjian yang ditanda-tangani oleh penghuni-penghuni berkenaan dengan pihak Majlis Perbandaran menyatakan bahawa rumah-rumah tersebut tidak boleh dijual, akan tetapi saya rasa adalah perlu rumah-rumah berkenaan dijual kepada penghuni-penghuni berkenaan, kerana mereka telah mendudukinya sekian lama.

Baru-baru ini, pada 3hb. Ogos, 1979, Menteri Perumahan Pusat ketika itu telah dalam satu dialog yang diadakan dengan penghuni-penghuni rumah pangsa di Jalan Trengganu (gangguan)

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat Ahli dari Kampung Kolam pun sudah banyak bercakap tentang perumahan. Saya ingat eloklah Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Paya Terubong mengemukakan hal-hal yang lain, kalau boleh ditujukan khusus kepada Rang Undang-Undang yang dibentangkan semalam.

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Tuan Speaker, saya pun tau, tapi ucapan itu ada bersangkutan dengan *interest* rakyat. Perlahan-lahan dan taulah ada bagusnyanya di dalamnya. Tuan Speaker pun tak mau kacaulah (ketawa). Kasi canlah.

Seruan beliau itu hendaklah diambil kira oleh Kerajaan Negeri GERAKAN kerana Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah salah satu Komponen Barisan Nasional. Lebih-lebih lagi, jika matlamat Rancangan Malaysia Ketiga tentang sebuah demokrasi memiliki rumah hendak dicapai, jadi adalah sangat mustahak pihak berkenaan menjualkan rumah-rumah itu. Dengan berbuat demikian, matlamat Rancangan Malaysia Ketiga akan tercapai. Saya berharap apabila Ketua Menteri menggulungkan ucapan kemudian, beliau akan sentuh perkara ini serta juga memberi satu jaminan yang rumah-rumah tersebut akan dijual kelak kepada penghuni-penghuni yang sudah pun menduduki rumah-rumah tersebut sekian lama.

AHLI KAWASAN KUBANG SEMANG (TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI BAKAR):

Tuan Speaker, saya bangun mengikut peraturan 46(v). Saya dapati Ahli Yang Berhormat membaca kertas di meja.

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Tuan Speaker, jikalau Ahli Kawasan Kubang Semang cakap saya

baca, Ketua Menteri pun macam ini. Dia pun ini macam....(ketawa). Betul.
TUAN SPEAKER:

Seorang ahli boleh membaca cabutan.

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Tuan Speaker, saya punya *style* (ketawa). Tuan Speaker, sekarang saya hendak menyentuh tentang pelancungan.

TUAN SPEAKER:

Yang Amat Berhormat tidak membaca. Dia membaca cabutan.

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Tuan Speaker, banyak telah diperkatakan tentang pelancungan. Ketua Menteri telah mengumumkan dahulu bahawa dengan siapnya Lapangan Terbang maka bilangan pelancung-pelancung yang akan datang ke negeri ini akan bertambah dan beliau juga mengatakan bahawa masa depan pelancungan di Pulau Pinang adalah cerah.

Kerajaan telah membelanjakan banyak wang untuk menarik pelancung-pelancung ke Negeri Pulau Pinang. Delegasi-delegasi telah dihantar ke Australia, Eropah dan Amerika Syarikat dan China untuk memperkenalkan Pulau Pinang.

Jika kita kaji lapuran Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang kita akan mendapati bahawa bagi enam bulan pertama tahun ini, bilangan pelancung-pelancung yang datang ke negeri ini telah bertambah sebanyak 2.1%. Itu pada enam bulan pertama tahun ini. Sebanyak 82,832 orang pelancung yang telah datang ke Pulau Pinang berbanding dengan 81,141 orang pelancung yang datang ke negeri ini pada tempoh yang sama tahun lalu iaitu tambahan sebanyak 1,691 orang atau 2.1%.

Jumlah pelancung dari negara-negara ASEAN yang datang ke Pulau Pinang bagi enam bulan pertama

tahun ini adalah 25,738 dan bagi tempoh yang sama tahun lalu 23,973. Ini menunjukkan peningkatan bagi tempoh yang sama tahun ini telah menurun kepada 10,173 orang jika dibandingkan dengan tempoh yang sama tahun lalu di mana 12,021 orang pelancung telah datang ke sini dan ini menunjukkan kemerosotan sebanyak 15.4%.

Untuk tempoh yang sama, jumlah pelancung yang datang dari Amerika Syarikat ialah sebanyak 5,101 tahun ini dan tahun lalu pula, 7,091 iaitu kadar kemerosotan ialah 28.1%. Jumlah pelancung yang datang dari Negeri Jepun bagi tempoh yang sama tahun ini ialah 8,925 dan pada tahun lalu seramai 10,800 orang iaitu terdapat kemerosotan sebanyak 14.1% dan jumlah pelancung yang datang dari Eropah untuk tempoh yang selama enam bulan pertama tahun ini ialah 9,921 dan pada tahun lalu 10,240 iaitu kadarnya telah merosot sebanyak 3.1%.

Jelaslah angka-angka yang dinyatakan oleh saya tadi menunjukkan bahawa kecuali adanya tambahan dalam bilangan pelancung-pelancung yang datang dari Negara-Negara ASEAN, bilangan pelancung-pelancung yang datang dari negara-negara lain telah merosot.

Tuan Speaker, Ketua Menteri telah membuat propaganda bahawa dengan adanya Lapangan Terbang Antarabangsa yang baru, maka bilangan pelancung-pelancung akan bertambah, juga negeri kita akan beruntung dari segi penukaran wang asing [*Foreign Exchange*] kerana pelancung-pelancung ini mempunyai banyak wang untuk dibelanjakan. Nampaknya semua propaganda-propaganda Y.A.B. Ketua Menteri hanya menjadi propaganda sahaja.

Saya syorkan kepada pihak PDC supaya mengkaji semula rancangan-rancangannya yang bertujuan menarik lebih ramai pelancung-pelan-

cung ke negeri ini dan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk menarik lebih ramai pelancung ke Negara kita ini. Dan saya rasa salah satu penarikan yang boleh menarik pelancung-pelancung ialah pembinaan Patung Kuen Yin yang tinggi 120 kaki yang mana patung tersebut jika siap.....(gangguan).

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat soal itu saya harap tidak payah disentuh lagi.

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Tuan Speaker, saya kata itu patung boleh kasi *tourist attraction*, bukan apa-apa. Itu kira *tourist attraction*. Jika siap dibina akan merupakan patung yang paling tinggi di seluruh dunia (gangguan). Jangan kacau, Ahli Kawasan Bayan Lepas, beliau pun nasib banyak baik, fasal Dewan ini bercakap Bahasa Kebangsaan. Kalau cakap Bahasa lain, saya pun kasihanlah ahli-ahli di sana.

Tuan Speaker, baru-baru ini pihak PPC atau Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang telah mengumumkan bahawa tambang feri akan dinaikan. Kadar baru yang dicadangkan adalah seperti berikut:—

Orang Dewasa — dari 35 sen ke 40 sen (tambahan 14%)

Kereta-Kereta Kecil.....(gangguan)

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat, saya ingat soal ini juga telah dibangkitkan dalam soalan mulut semalam.

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Soalan mulut tidak terang. Sekarang saya mahu terangkan. *Explain the reasons*. Ini bersangkutan dengan *public interest*.

Kereta-kereta kecil dari \$2.50 sen ke \$4.00 (tambahan sebanyak 60%)
Kereta-kereta lebih 1,200 c.c. tetapi kurang 1,600 c.c. dari \$4.00 ke \$5.00 (tambahan sebanyak 25%)

Tuan Speaker, tambahan ini yang dicadangkan akan berkuatkuasa mulai 1hb. Oktober, 1979 ini. Saya rasa kenaikan tambahan tambang feri adalah tidak patut kerana pihak PPC telah memperolehi keuntungan yang banyak dan sebab itu tidak ada sebab-sebab mengapa mereka harus menaikkan tambang feri. Tujuan Suruhanjaya tersebut ialah untuk memberi perkhidmatan kepada orang ramai dan bukan profit-motivated. Tuan Speaker, perkhidmatan feri adalah sangat-sangat perlu bagi kegunaan penduduk-penduduk kita, mereka yang bekerja di Butterworth, Bukit Mertajam Seberang Perai, Sungai Bakap, dan Nibong Tebal, etc., memerlukan perkhidmatan feri dan kenaikan yang dicadangkan itu akan merupakan satu beban kepada mereka dan saya kesal pihak PPC tidak mengkaji perkara kenaikan tambang feri ini dengan teliti dan saya menyeru PPC supaya jangan menaikkan kadar tambang feri.

Satu lagi perkara yang saya hendak bangkitkan mengenai perkhidmatan feri ialah pihak PPC tidak mengambil langkah-langkah yang sesuai dan perlu untuk menjaga keselamatan para pengguna. Umpamanya, pada 1hb. September ini sebuah feri telah melencung sejauh dua batu dari *pier*. Kejadian ini patut boleh dielakkan jika pihak PPC mengikut laporan-laporan kaji cuaca dengan teliti. Ini adalah suatu perkara yang mustahak kerana kita tidak mahu kejadian yang berlaku di Parit Buntar, Perak di mana ramai orang telah meninggal dunia berlaku di sini. Maka dengan ini saya menyeru pihak PPC mengambil langkah-langkah yang sesuai dan segera supaya keselamatan pengguna-pengguna kita terjamin.

Tuan Speaker, seorang rakan saya ahli dari Ayer Itam telah membangkit-bangkitkan perkara kerosakan lif-lif yang sedia ada di kawasan perumahan di Kampong Melayu dan Jalan Padang Tembak dalam Me-

syuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang lalu. Ketika perkara ini dibangkitkan oleh Ahli Exco, dan juga Ahli bagi Kawasan Tanjung Bungah, Pengerusi Lembaga Perumahan Negeri yang telah berkata (gangguan)

AHLI KAWASAN TANJUNG BUNGAH (ENCIK KHOR GARK KIM):

Tuan Speaker, perkara ini saya bagi pihak Kerajaan Negeri telah menjawab dengan secukupnya di Dewan ini, dan selepas jawapan saya, saya tidak mendengar apa-apa soalan tambahan pun. Saya haraplah perkara ini tidak berbangkit lagi.

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Tuan Speaker, kira itu jawapan oleh Ahli Kawasan Tanjung Bungah, fasal di kawasan saya orang mahu tahu dan mahu kasi *suggestion* pada Housing Board. Sekarang dia mahu dengar habislah ucapan saya supaya dia tahu. Sekarang dia mana tahu. *Sorry*, beliau mana tahu.

Tuan Speaker, keadaan lif-lif di Kampong Melayu dan Padang Tembak adalah (gangguan)

TUAN SPEAKER:

Ahli Yang Berhormat bolehkah tumpu khusus kepada (gangguan)

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Fasal ini ada satu *connection*. *Slowly*. Saya mahu cakap panjang lagi.

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Tuan Speaker, keadaan lif-lif di Kampong Melayu dan di Jalan Padang Tembak adalah di dalam keadaan yang sungguh buruk. Dalam sebulan ini, lif-lif di kawasan perumahan tersebut telah selalu rosak dan tergendala. Baru-baru sebulan ini lif di Blok J di Jalan Padang Tembak telah rosak dan seorang pekerja di

Majlis Perbandaran telah terperangkap untuk selama setengah jam atau satu jam di dalam lif. Lif di Blok G telah rosak sejam pada 22hb. September tahun ini dan sampai sekarang lif tersebut masih belum lagi diperbaiki. Lagi Speaker, perkhidmatan lif-lif adalah penting demi kegunaan para penghuni. Lif-lif hendaklah diserviskan selalu kerana jika tidak ia akan menyusahkan orang ramai khususnya orang-orang tua, orang-orang yang sakit dan perempuan-perempuan yang hamil. Jadi adalah wajar lif-lif diserviskan dengan baik dan teratur. Kita mestilah mengadakan perkhidmatan selepas penjualan yang baik ataupun dalam bahasa Inggeris "*after-sale service*." Perkhidmatan memperbaiki lif-lif yang rosak hendaklah diadakan sepanjang 24 jam jika didapati lif-lif tersebut telah lama dan tidak boleh digunakan. Jadi lif-lif baru hendaklah dibeli dan dipasang demi kegunaan dan keselamatan penghuni-penghuni.

Juga Kerajaan hendaklah pastikan bahawa lif-lif untuk kegunaan Kerajaan dibeli dari syarikat-syarikat yang boleh memberi perkhidmatan selepas penjualan yang memuaskan.

Tuan Speaker, pada 7hb. September tahun ini, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri mengumumkan kepada wartawan di dalam satu *Press Conference* iaitu PDC Pulau Pinang akan membina 3,500 buah rumah murah dalam jangka 12 bulan. Beliau telah mengemukakan bahawa selepas jangka masa tersebut, PDC bertujuan untuk membina 5,000 buah rumah murah pada tiap-tiap tahun. Saya berasa syak dan hairan pengumuman tersebut adalah satu *political propaganda* dan pengumuman-pengumuman bohong dibuat oleh Ketua Menteri kerana mengikut Kenyataan yang diberikan oleh (gangguan)

AHLI KAWASAN BERTAM (ENCIK ABDUL RAHMAN BIN HAJI ABBAS):

Datuk Speaker, diminta tarik balik

perkataan "bohong". "Bohong", "pembong" itu sama tu.

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Tuan Speaker, Tuan Speaker pun tahu bahasa saya sangat baik. Saya lebih kurang menggunakan *word* tidak tentu tetapi Ahli Kawasan Bertam boleh cakapkan *which word to use*. "Bohong" *here means "not true"*.

TUAN SPEAKER:

Kurang tepat.

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Oh, kurang tepat. Baiklah, saya tarik balik perkataan "bohong".

Jangan kacaulah. Saya tahu esok hari raya. Beliau pun mahu balik (ketawa).

TUAN SPEAKER:

Minta perhatian.

AHLI KAWASAN TANJUNG BUNGAH (ENCIK KHOR GARK KIM):

Ahli Yang Berhormat dan Paya Terubong sudah membuat kenyataan tadi. Saya haraplah Ahli Kawasan Paya Terubong akan menyatakan tentang perkara-perkara yang dia tahu lebih tetap. Dia cakap perkara yang tidak tepat.

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Apa "dia" pula? "Beliau" lah.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Tuan Speaker, itu tetaplah. Tetap itu fikiran lain. Kalau pada fikiran saya, saya kira semua sudah tetap. Itu beliau punya fikiran sendiri.

AHLI KAWASAN TANJUNG BUNGAH (ENCIK KHOR GARK KIM):

Masaalah ini Ahli Yang Berhormat Kawasan Paya Terubong telahpun mengakui (gangguan)

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Tuan Speaker, saya pun hairanlah. Saya lebih kurang telah belajar bahasa satu tahun sahaja tapi saya kira bahasa Ahli Exco pun tak berapa baik kalau *compare* sama saya. Itu saya sangat malu tau, tapi lagi satu tahun beliau tahulah.

Semua orang kacau saya pun kepala pusing.

Mengikut penyiasatan yang diberikan oleh Pengerusi Lembaga Perumahan Ahli Exco daripada kawasan (gangguan)

TUAN SPEAKER:

Jawatankuasa Kemajuan Perumahan, bukan Pengerusi Lembaga.

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Ahli Exco daripada Kawasan Tanjung Bungah, dalam masa 5 tahun — 1975 hingga 1979 — hanya 2,642 buah rumah murah sahaja telah dibina oleh PDC, iaitulah pada tahun 1975 adalah dibina 726 buah rumah murah. Pada tahun 1976, *stamina* sudah jatuh, jadi buat 138 lagi; tahun 1977 langsung tiada *stamina* dan PDC satu buah rumah pun tiada buat; tahun 1978, 664 dibina oleh PDC. Tahun ini ada 1,112 buah rumah murah. Jadi dalam masa satu tahun semenjak 1975, PDC hanya boleh membina 528 yunit sahaja. Saya harap Yang Amat Berhormat Ketua Menteri akan menerangkan kepada saya bagaimana mesin PDC boleh dipercepatkan dengan segeranya untuk membina 3,500 atau 5,000 yunit rumah murah seperti diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Saya ingatlah barangkali mesin PDC itu sekarang telah menggunakan minyak licin — kira castrol GTE — oleh itu Yang Amat Berhormat Ketua Menteri mengumumkan bahawa PDC akan membina 3,500 sampai 5,000 yunit rumah murah tiap-tiap tahun.

Tuan Speaker, saya sekarang hendak menyentuh perkara 152(1)(b) Perlembagaan Persekutuan yang ada kaitan dengan Kerajaan Negeri. Tuan

Speaker, perkara 152(1)(b) berbunyi:

"Nothing in this Clause shall prejudice the right of the Federal Government of any State Government to preserve and sustain the use and study of the language of any other community in the Federation".

Tuan Speaker, pengasas-pengasas Perlembagaan kita telah mengadakan peruntukan ini di dalam Perlembagaan kita supaya membolehkan Kerajaan Negeri memberi atau mengambil langkah-langkah untuk memelihara kegunaan dan pengajian bahasa kaum-kaum yang lain di Negeri ini. Perkara 152(1)(b) adalah sangat penting dan hendaklah dipatuhi. Ketua Menteri kita yang telah menjadi jaguh atau *champion* pelajaran Cina dalam tahun-tahun 60an harus menguatkuasakan peruntukan ini yang termaktub di dalam Perlembagaan kita dan memberi sumbangan.

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat, saya harap kalau boleh berpandukan kepada kepala-kepala yang ada di Rang Undang-Undang ini. Duduk, minta duduk dulu. Nampaknya Yang Berhormat pergi sudah jauh sangat. Harap tujukan kepada kepala-kepala yang dikemukakan.

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Tidak jauhlah sebab saya tahu itu *affair* Kerajaan. Rakyat mahu *study language and culture*. Maka memandangkan kepada peruntukan yang sedia ada di dalam Perlembagaan Persekutuan yang mana peruntukan tersebut tidak menghalang manamana Kerajaan Negeri jika Kerajaan Negeri berkenaan hendak membantu dan memelihara kegunaan dan pengajian bahasa kaum-kaum yang lain, jadi saya syorkan kepada Kerajaan Negeri khasnya kepada Ketua Menteri kerana beliau telah menjadi jaguh pelajaran Cina dahulu supaya Kerajaan Negeri menyumbang dan membantu sekolah-sekolah jenis Ke-

bangsaan Cina dan Tamil yang sedia ada di Negeri Pulau Pinang sahaja. Dengan perkara 152(1)(b), bantuan kewangan hendaklah diberikan umpamanya kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Hun Ming (Tanjung Tokong), Sekolah Kebangsaan Phai Sin (Jelutong) dan Sekolah Shiong Wu (Ayer Itam).

Dalam pada ini, saya minta Ketua Menteri menyatakan samada perpustakaan bergerak Negeri Pulau Pinang (Penang Mobile Library) mempunyai apa-apa buku dalam bahasa Cina dan Tamil dan jika ada sila nyatakan bilangan buku-buku Cina dan Tamil yang ada dalam perpustakaan bergerak itu. Ketua Menteri ketika membuka perpustakaan bergerak itu telah menyatakan bahawa perpustakaan bergerak itu akan membantu orang ramai belajar dan saya berharap perpustakaan tersebut mengandungi buku-buku bahasa Cina dan Tamil.

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Sudah penat, ya. (ketawa).

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Satu tahun pun setengah jam, kalau lima tahun lima jamlah (ketawa). Sekarang kira *amateur*. Sekali lagi, Tuan Speaker, saya menyokong Kerajaan Negeri kalau mahu menguatkuasa perkara 152(1)(b) Perlembagaan Persekutuan supaya memberi makna kepada perkara tersebut dan membantu sekolah-sekolah Cina dan Tamil yang sedia ada di negeri ini. Dan saya berharap Ahli Exco. juga Ahli Kawasan Tanjung Bungah akan menyokong seruan saya ini bukan sahaja di luar Dewan ini, bahkan di dalam Dewan juga supaya menunjukkan keikhlasannya.

Tuan Speaker, di dalam Anggaran ini saya kira nasib tidak baiklah. Di dalam Anggaran Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan dalam *estimate* tahun 1980 \$6,070,560.00 iaitu sudah bertambah 12.6 % iaitu

kira sudah naiklah \$562,820.00 lagi; Kerajaan Negeri tahun dahulu, 1979, ialah \$10,667,560.00 dan tahun 1980 sebanyak \$10,646,330.00. Bagi Pertanian, tahun 1979 iaitu \$1,120,380.00 dan pada tahun 1980 sebanyak \$1,213,850.00. Jikalau kita lihat Anggaran 1980, kira wang ini pun rancangan atau pelan tidak buat *properly* dan tidak buat dengan baik. Apa fasal Pejabat Ketua Menteri boleh bertambah \$562,820.00. Pejabat Kerajaan ialah satu pejabat yang sangat penting atau *important*. Ini kira buat jalan-jalan jambatan kasi orang. Lagi Ketua Menteri ada cakap mahu *improve* Penang tetapi di dalam *report* itu JKR sudah merosot \$53,010.00. Saya pun tak tahu Ketua Menteri ingat apa macamlah. Lagi satu, Pertanian ini kira ada naiklah 8.8% iaitu \$930,400.00 tetapi di dalam negeri kita Menteri-Menteri ada bagi satu *suggestion* dalam Buku Hijau untuk *encourage to take local fruits and vegetables* tetapi *department* ini saja naik 8.8%. *Department* Ketua Menteri 12.6%. Ini kira anggaran yang tak sangat baiklah. Tak apalah ini, *planning* tidak baik. Ini kira jikalau negeri ini mahu buat baik-baik, *department* itu mesti tengok *allocation* itu bolehkah kasi semua rakyat baik bukan sahaja Ketua Menteri tetapi juga JKR.

Lagi, Ketua Menteri, dalam ucapannya kelmarin ada cakap *salary* di Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan tahun ini kalau *compare* sama 1970 ini *increment* kira-kira 17.3%. Lagi tahun 1980 *increase from 17.3% to 41.95%*. Itu kira satu perkara *ratio*. *Ratio* tidak *go according to planning*. Ini Pejabat Ketua Menteri semua naik tetapi kita semua tahulah Ketua Menteri mahu makan, *staff* dan semua orang mahu makan, tetapi orang Jaga Kereta pun mahu makan. Kalau gaji \$60.00 *plus* \$20.00 itu kira *allowance*. Ini pun 5 tahun, tetapi dalam 5 tahun ini orang punya gaji tidak *increase*, gaji Ketua Menteri dalam 8 tahun sudah in-

crease 25%. Orang pun oranglah, bukan binatang. Mereka mahu kenai-kan gaji. Saya kira jikalau the State Government mahu buat itu baik-baik, ini *salary* orang-orang Jaga Kereta pun mahu *revise* fasal *parking fees* sudah naik.

TUAN SPEAKER:

Itu Majlis Perbandaran.

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Ha, itu Majlis Council ada di dalam Penang State. Itu kira State Government. Kerajaan Negeri sudah *set* satu *example* kira tak kasi *salary* banyak-banyaklah pada *employee* itu fasal mana boleh kasi? *Factories and commercial firms* pun boleh ikut-ikutan jalan Kerajaan. Kita mesti mahu jaga-jaga orang-orang yang bekerja Parking Meter dan lain *department*. Saya punya ucapan pun sangat panjang, saya ingat habislah.

Terima kasih.

TUAN SPEAKER:

Boleh sokonglah.

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Boleh sokong jugalah (ketawa).

Dewan ditangguh pada jam 4.00 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 4.25 petang.

TUAN SPEAKER:

Ahli-ahli yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan dipersilakan.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam Ucapan Belanjawan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang.

Datuk Speaker, dalam ucapan Ketua Menteri, Perenggan 24(ii), Ketua Menteri telah menyatakan Kerajaan Negeri adalah berazam untuk "meningkatkan lagi kecekapan perkhidmatan awam kita" dan mengatakan

bahawa pegawai-pegawai Kerajaan akan didorongkan oleh konsep cemerlang untuk memberi perkhidmatan yang berkesan kepada rakyat kita. Sebagaimana yang kita sedia maklum, penduduk-penduduk kita kian bertambah. Dalam hal ini, nampaknya sebuah pasar di Bukit Mertajam adalah didapati tidak mencukupi. Masaalah ini dijadikan lebih kompleks dengan banyaknya penjaja-penjaja yang menjual barang-barang mereka di tepi jalan. Di jalan pasar Bukit Mertajam ini telah mengakibatkan munculnya masaalah lalu lintas di tempat itu. Di sini Kerajaan Negeri adalah diwajibkan membina lagi sebuah pasar baru untuk mengatasi masaalah lalu lintas, dan menempatkan penjaja-penjaja itu dalam pasar baru itu supaya kehidupan mereka akan terjamin dan bebas dari gangguan polis atau pihak MPSP.

Dalam konteks itu, perkhidmatan yang diberi kepada rakyat oleh MPSP adalah jauh dari cemerlang. Perkara ini boleh dilihat terang di Kampong Baru di mana parit-longkang tersumbat dengan rumput dan sampah-sarap, jalan tidak diperbaiki, dan nyamuk dan lalat membiak dengan tidak terkawal. Papan lambang MPSP yang didirikan berbunyi bahawa "Kualiti Hidup Adalah Matlamat Kita". Dengan keadaan yang ujud di kampung-kampung baru di Seberang Perai kita boleh mendapat satu kesimpulan bahawa MPSP bukan hanya tidak cekap dalam perkhidmatan tetapi didorongkan untuk memusnahkan kualiti itu di kampung-kampung baru. Jika MPSP adalah satu badan.....(gangguan).

AHLI KAWASAN DATUK KERA-MAT (DATUK TEH EWE LIM):

Datuk Speaker, sekarang kita bahas di atas Anggaran Perbelanjaan Negeri, bukan Anggaran MPSP.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

Jika MPSP sebuah badan yang bertanggungjawab, cekap dan penuh dedikasi dalam konsep "Perkhidmatan Cemerlang", mengapakah keadaan buruk didapati ujud di kampung-kampung baru apabila berbagai pengaduan dibuat dalam Dewan itu tanpa sebarang tindakan di ambil oleh pihak MPSP. Ketidak cekapan MPSP menunjukkan diri dalam pembuangan najis dalam kampung-kampung baru. Adalah praktis ini dipandang tidak sihat jika najis hanya dibuang sekali seminggu. Adakah ini bermakna kecekapan MPSP apabila ianya gagal menyediakan sebuah parit di belakang rumah-rumah di Jalan 8, Kampong Berapit di Bukit Mertajam. Ke mana akan air kotor dari rumah-rumah akan mengalir keluar? Keadaan ini menjadi semakin buruk pada musim hujan. Kawasan di keliling rumah-rumah itu dibanjiri dan sampah sarap didapati berselerak di merata-rata tempat.

Tuan Speaker, dalam ucapan Ketua Menteri ceraihan ketiga Ketua Menteri mengatakan kita mesti mengawal dengan ketatnya perbelanjaan mengurus supaya pencapaian maksima dapat diperolehi. Perkataan ini dengan sendirinya adalah menjadi sindiran kepada Kerajaan Negeri. Adakah Kerajaan membuat apa yang dikatakannya sebagaimana yang kita semua sedia maklum?

Baru-baru ini satu rombongan dari MPSP telah melawat.....(gangguan).

AHLI KAWASAN DATUK KERA-MAT (DATUK TEH EWE LIM):

Datuk Speaker, saya minta perbincangan di atas Belanjawan Negeri, bukan MPSP.

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat, saya minta tumpukan khusus kepada Anggaran yang dibentangkan, ya? Boleh?

AHLI KAWASAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

Mesti boleh.

Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, baru-baru ini satu..... (gangguan).

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat, duduk. Yang Berhormat kata boleh, tetapi sambung juga lagi.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

Semua perbelanjaan di bayar oleh.....(ketawa).

What is wrong with you?

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat, perbincangan kita kalau boleh tumpukanlah kepada Rang Undang-Undang kita yang dibentangkan.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

Ya, saya ikut.

Keadaan ganjil ini telah menghairankan rakyat di Pulau Pinang. Mengapa kajian ini tidak boleh dibuat seperti Negara Singapura di mana keadaan-keadaan adalah didapati hampir sama dengan keadaan di Negeri Pulau Pinang? Adakah semua ahli-ahli rombongan ini, pakar-pakar teknikal yang layak dalam pengkajian ini, adakah tujuan hanya.....(gangguan).

AHLI KAWASAN DATUK KERAMAT (DATUK TEH EWE LIM):

Datuk Speaker, itu bukan satu anggaran.....

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Datuk Speaker, perkara itu MPSP pun di dalam Negeri Pulau Pinang. Ini ucapan belum habis, jadi duduk dan dengarlah. Mana boleh setengah sahaja.

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat, duduklah ya. Sekarang tolong bawa perkara lain. Kalau bercakap perkara itu juga, saya tidak benarkan.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

O.K. Apa salah saya cakap? (ketawa). *Laugh! Laugh! Laugh! Shut up!*

TUAN SPEAKER:

Jangan ganggu ya. Saya minta Yang Berhormat bercakap dalam perkara lain.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

O.K. Don't laugh. I am serious. I am serious. Let me continue and finish, O.K.

TUAN SPEAKER:

Diminta sambung dalam perkara lain.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

O.K. Standing Order Article No 4: "The official language of the Assembly shall be the Malay language provided.....(gangguan)

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Minta izin dulu.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

Saya minta izin.

TUAN SPEAKER:

Artikel yang hendak dibacakan hendaklah bersabitlah dengan ucapan yang sedang kita bahas sekarang. Tidak kena mengena dengan bahasa ya. Bukan soal bahasa sekarang tapi soal membahaskan Rang Undang-Undang.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

Ya, saya minta izin bercakap dalam Bahasa Inggeris. Standing Order Article Nombor 4. "The official language of the Assembly shall be the Malay language (gangguan)

AHLI KAWASAN BERTAM (ENCIK ABDUL RAHMAN BIN HAJI ABBAS):

Yes.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

Yes, what is wrong? Don't interrupt me.

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat, kita sekarang berada di dalam Dewan, ya.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

Jangan kacau! Yes, yes, what yes? Yes means yes. Shut up! "..... provided that a period of ten years after Merdeka Day and thereafter until the Federal Parliament otherwise provides, the English language may be used in the Assembly."

TUAN SPEAKER:

Lagi sambung.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

"And provided further that for a similar period the authoritative texts" (gangguan)

TUAN SPEAKER:

"Period of 10 years" sudah lepas ya.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker, jikalau saya boleh memberi sedikit pandangan atas peraturan 4 yang baru-baru ini rakan saya ada baca saya baca lagi sekali, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat, saya minta duduk.

Sekarang Yang Berhormat Ahli dari Bukit Mertajam, saya minta mengadakan perbahasan mengenai Rang Undang-Undang. Saya minta janganlah bangkitkan masalah-masalah Kerajaan Tempatan.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

O.K., saya ikut.

TUAN SPEAKER:

Ya, ikutlah.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker, itu issue lain. Sekarang issue perbahasan. Ini issue Peraturan Mesyuarat 4. Bolehkah digunakan oleh rakan saya, oleh kerana bahasa Malaysia rakan saya tidak berapa lancar. Oleh kerana itu tentu rakan saya boleh diberi satu peluang untuk memberi ucapan beliau dalam bahasa Inggeris. Itu issue sekarang, bukan issue perbahasan. Bolehkah kami dapat satu perintah dari Tuan Speaker atas permohonan rakan saya?

TUAN SPEAKER:

Jawabnya tidak.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker, apa yang saya tanya sekarang, bolehkah kami mendapat satu perintah dan alasan-alasan perintah itu atas permohonan rakan saya dari Bukit Mertajam?

TUAN SPEAKER:

Saya tidak benarkan.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Sebab apa, Tuan Speaker? Kami mahu sebab. Bolehkah kami tahu sebabnya? Tuan Speaker, ini menjadi satu Dewan di mana kami berbincang. Jikalau kami tidak boleh berbincang dalam Bahasa Malaysia, tentu kami terpaksa diberi satu peluang berucap dalam Bahasa Inggeris oleh kerana Peraturan 4, Tuan

Speaker. Jikalau Tuan Speaker baca Peraturan 4, ada diberi kuasa kepada Tuan Speaker untuk menggunakan budi bicara Tuan Speaker untuk memberi peluang kepada rakan saya dari Bukit Mertajam. Berilah ia satu peluang berucap dalam Bahasa Inggeris. Saya mahu sebab, Tuan Speaker, jikalau tidak ada sebab itu menjadi tidak menggunakan (gangguan).

TUAN SPEAKER:

Duduk. Bila saya kata duduk, Yang Berhormat tidak mahu duduk juga.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Saya belum habis lagi, Tuan Speaker. Tuan Speaker tentu kena beri sebab. Kami mahu sebab.

TUAN SPEAKER:

Duduklah saya beri sebab. Kalau Yang Berhormat bangun bercakap, bagaimana saya boleh memberi sebab?

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Baik, Tuan Speaker, saya minta maaf. Beri sebab.

TUAN SPEAKER:

Dalam perhatian saya, semua Ahli-Ahli Yang Berhormat boleh bertutur dan boleh menggunakan Bahasa Kebangsaan yang boleh difahami oleh orang ramai. Itu sebabnya.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker, itu sebab yang tidak betul. Rakan saya tidak boleh berucap dalam Bahasa, sebab semua ahli-ahli di sebelah sana gelak bila rakan saya berucap dalam Bahasa Malaysia. Tuan Speaker pun tidak berapa puas hati. Itu sebab tidak betul. Ini menjadi salahguna kuasa atas Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan ini.

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat boleh duduk. Dalam pandangan dan perhatian

saya, semua ahli-ahli Yang Berhormat boleh bertutur dalam Bahasa Kebangsaan dan boleh difahami. Kalau dia cakap semua orang tidak faham; itu lain. Sekarang semua orang boleh faham. Kenapa saya mesti benarkan menggunakan bahasa Inggeris?

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Jikalau semua orang faham, Tuan Speaker, kenapa gelak? Kenapa main-main bila rakan saya berucap? Kenapa? Itu saya mahu tahu, Tuan Speaker. Mana ada keadilan dalam keputusan Tuan Speaker. Tuan Speaker pun ada tengok, kawan saya jadi satu mangsa tidak boleh berucap baik-baik dalam Bahasa Malaysia. Beri dia satu peluang. Ini menjadi Dewan di mana rakan kita ada satu kewajipan kepada pengundi-pengundi di Bukit Mertajam, Tuan Speaker. Timbang lagi sekali, Tuan Speaker, timbang dengan teliti.

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, nampak saya peruntukan ialah peruntukan ketawa.

TUAN SPEAKER:

Soal ketawa bukan kerana tidak faham. Yang Berhormat tanya kenapakah ketawa, bukan? Ketawa bukan kerana mereka tidak faham.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker, adakah Tuan Speaker, rakan saya boleh berucap dalam Bahasa Malaysia? Dengan ikhlas?

TUAN SPEAKER:

Boleh. Sebab itu saya tegur dia.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker, itu saya ingat keputusan tidak adil. Tuan Speaker pun tahu, semua Ahli-Ahli Yang Berhormat di sinipun tahu. Dalam fikiran saya keputusan itu tidak adil.

AHLI KAWASAN AYER ITAM (ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Speaker, Tuan Speaker mempunyai *discretion to allow*, tetapi Tuan Speaker *discretion* semua macam lain *discretion*. Mesti *exercise in principle or in fairness and with principles*. There must be a *basis* macamana kita gunakan *discretion*, tidak boleh suka macam ini kita buat macam ini. *The discretion Standing Order* ada bagi Tuan Speaker, *discretion* ini, Tuan Speaker, mesti *exercise*.

TUAN SPEAKER:

Tidak payah ajar saya duduklah, ya.
AHLI KAWASAN AYER ITAM (ENCIK PETER PAUL DASON):

Itu sebab kita di sini, Tuan Speaker, minta Tuan Speaker *reconsider*.

TUAN SPEAKER:

Nampaknya soalan Yang Berhormat sudah berbalik-balik. Tadi mengapa saya tidak benarkan oleh sebab saya perhatikan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat boleh bertutur dalam Bahasa Kebangsaan. Yang Berhormat dari Paya Terubong boleh bercakap dengan baik, dari Bukit Mertajam pun boleh tahan. Jadi apa masaalah lagi? Cuma diketawakan.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Mengapa diketawakan? Tuan Speaker, ini masaalah yang besar, bukan perkara kecil, Tuan Speaker. Jikalau keputusan Tuan Speaker sudah muktamad, rakan saya boleh teruskan. Kami boleh duduk dan terpaksa terima, tetapi saya cakap ini tidak adil. Itu pandangan saya. Boleh saya rekodkan.

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat tanya saya mengapa sebahagian dari Ahli-Ahli Yang Berhormat ketawa?

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Ya, oleh kerana Bahasa Malaysia rakan saya di sini tidak berapa lancar. Oleh kerana itu, Tuan Speaker, bukan kerana lain.

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Datuk Speaker, Datuk Speaker telah membuat keputusan Bahasa Inggeris tidak dibenarkan. Oleh itu kami minta perbahasan diteruskan.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker, kami mahu untuk rekod satu keputusan. Interpretasi, Peraturan 4 dalam Peraturan Mesyuarat ini Tuan Speaker. Rakan saya tidak boleh bercakap dalam Bahasa Malaysia. Tuan Speaker ada budi bicara, tetapi Tuan Speaker tidak menggunakan budi bicara itu bagi pihak rakan saya. Bukan Bahasa Inggeris tidak boleh digunakan dalam Dewan.

TUAN SPEAKER:

Itu soal lain.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Itu bukan soal lain, Tuan Speaker. Interpretasi budi bicara atau tidak ada hak. Itu issue sekarang, issue yang penting.

TUAN SPEAKER:

Dalam budi bicara, saya tidak benarkan ia bercakap dalam Bahasa Inggeris.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Dalam budi bicara? Tetapi rakan saya ada hak — *has the right* — tetapi Tuan Speaker (gangguan)

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat diminta duduk. Saya sudah mengambil keputusan.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tetapi untuk rekod Tuan Speaker di masa hadapan.

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Saya minta Yang Berhormat dari Bukit Glugor tolong baca seksyen 48, iaitu ketika Datuk Speaker bercakap,

tolong duduk. Kalau Yang Berhormat tidak menghormati Datuk Speaker, saya minta Yang Berhormat keluar dari Dewan ini.

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

Sebelum saya *continue*, saya cakap sedikit. Saya suka negara ini kalau saya tidak suka saya cakap Mandarin. Saya suka.

TUAN SPEAKER:

Mandarin pula, ya?

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

Saya punya mother tongue. I am entitled and deserve to speak my mother tongue but I love the country and would like to be peaceful, equal and fair to everyone in this country.

TUAN SPEAKER:

Teruskan dalam perbahasan.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

O.K. saya teruskan. My skin is of the same colour.

TUAN SPEAKER:

Teruskan dalam perbahasan

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

No. I want to make it clear. You make me so sick.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker, itu jadi akibatnya. Itu apa yang saya cakap tadi, Tuan Speaker, jikalau rakan saya tidak boleh bercakap Bahasa Malaysia beri dia satu peluang bercakap dalam Bahasa Inggeris.

TUAN SPEAKER:

Sekarang dia boleh bercakap.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Apa akibatnya sekarang ini? Jadi satu peristiwa dalam Dewan.

TUAN SPEAKER:

Ya, bercakap.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

I hope that I have made myself clear and understood.

Keadaan-keadaan adalah didapati hampir sama dengan keadaan di Negeri Pulau Pinang. Adakah semua ahli rombongan ini pakar-pakar teknikal yang layak dalam pengkajian ini? Adakah tujuan hanya tercapai dengan adanya isteri Pengerusi MPSP dalam rombongan ini? Bukankah segala-gala ini membuktikan Kerajaan Negeri membazirkan wang rakyat? Manakah ertinya pencapaian maksima wang kita yang dikatakan oleh Ketua Menteri?

Tuan Speaker, perenggan 5 dalam Ucapan Belanjawan Ketua Menteri berbunyi bahawa sebahagian anggaran perbelanjaan pengurusan diperuntukkan bagi "pengujudan 74 jawatan baru di berbagai-bagai jabatan". Adakah pegawai-pegawai ini perlu dan sesuai? Memandangkan keadaan kerja di jabatan-jabatan Kerajaan, bukankah ini merupakan satu pemandangan biasa di mana pegawai-pegawai Kerajaan didapati membaca surat khabar dan membuat *crochet* pada masa bekerja? Ini menunjukkan bahawa jabatan-jabatan Kerajaan sudah mempunyai kakitangan-kakitangan yang mencukupi jika mereka benar-benar bekerja dengan penuh dedikasi dalam konsep cemerlang. Kekosongan jawatan-jawatan ini tidak perlu diisikan jika kakitangan-kakitangan mempunyai sikap kerja yang tinggi sebagaimana terbukti di kebanyakan jabatan-jabatan Kerajaan. Apa faedah akan diperolehi dengan melipatgandakan bilangan pegawai-pegawai itu? Apa

yang sesuai dalam konteks ini ialah Kerajaan Negeri mesti memastikan konsep cemerlang adalah diikuti dengan sepenuh-penuhnya oleh pegawai-pegawai Kerajaan untuk mengelakkan pembaziran tenaga pekerja.

Tuan Speaker berkenaan dengan saluran bawah tanah di Jalan Siram, Butterworth, Kerajaan Negeri mendapati tidak mengindahkan kepentingan dan kebajikan penduduk-penduduk di kawasan itu. Pada setiap musim hujan, kawasan ini dibanjiri. Permintaan membuat saluran bawah tanah itu telah dibangkitkan di Dewan ini, tetapi malangnya Kerajaan Negeri tidak mengambil sebarang tindakan. Jika Kerajaan Negeri adalah sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, ia mesti menjalankan projek ini dengan tidak membuang masa lagi.

Bersabit dengan rumah-rumah murah di Taman Tun Sardon, Telok Kumbar dan lain-lain kawasan di Pulau Pinang, 220 yunit rumah murah telah siap sedia pada bulan September 1978, tetapi hingga saat sekarang rumah-rumah itu masih belum diberi kepada orang-orang miskin. Adakah rumah-rumah itu hanya menjadi perhiasan di kawasan itu dan bukan untuk maksud yang sebenarnya? Mengapa Kerajaan Negeri perlu

mengambil lebih dari satu tahun untuk memproses permohonan-permohonan perumahan dengan sikap ini? Adakah masalaah perumahan diatasi dalam usaha pembinaan rumah murah Kampong Juru dan Kampong Machang Bubuk di Bukit Mertajam telah diketepikan? Di sini saya mendesak Kerajaan menyalurkan sebahagian wang untuk pembinaan rumah murah di kedua-dua kampung itu.

Tuan Speaker, jika Kerajaan Negeri adalah mengawal perbelanjaan dengan ketatnya, nampaknya Kerajaan tidak akan menghadapi sebarang defisit. Hal ini terjadi sebab Kerajaan membazirkan wang rakyat sebagaimana yang ditunjukkan oleh lawatan ahli-ahli MPSP ke German Barat dan England.

Terima kasih.

TUAN SPEAKER:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga 1 haribulan iaitu hari Khamis jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.00 petang.